

Berita




PASIR GUDANG BANDAR RAYA
INDUSTRI DAN PELABUHAN



EDISI 01
JAN - FEB 2024

جمادى الثانى - شعبان 1445 هـ

TERBITAN RASMI MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG



MAJLIS PEDOMAN MBPG 2024



Edisi
Digital

BERITA
MENARIK
DI DALAM

06

Sambutan Tahun Baru Cina
Peringkat Pasir Gudang 2024

> 10

Program Masuk Jawi MBPG
2024

> 14

Festival Layang-Layang Pasir
Gudang

ISI KANDUNGAN



M/S 03	PERUTUSAN YANG BERHORMAT DATUK BANDAR PASIR GUDANG
M/S 04	MAJLIS PEDOMAN MBPG 2024
M/S 05	MAJLIS APC MBPG 2023 MBPG TERIMA ANUGERAH AIGA
M/S 06	SAMBUTAN TAHUN BARU CINA PERINGKAT PASIR GUDANG 2024
M/S 07	MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM BERSAMA PIS / LAWATAN YB EXCO AGAMA TUAN HAJI FARID KE PEJABAT DATUK BANDAR
M/S 08	LAWATAN KERJA MAJLIS BANDARAYA IPOH (MBI) KE MBPG
M/S 09	SKUAD TINJAU BERSAMA DATUK BANDAR
M/S 10	PROGRAM MASUK JAWI MBPG 2024
M/S 11	LAWATAN EKSA DARI ICT JOHOR DAN PLAN MALAYSIA
M/S 12	PERASMIAN PROGRAM SUNTIKAN VAKSIN THYP- OID
M/S 13	MAJLIS PERASMIAN PUSAT LESTARI PASIR GUDANG MBPG
M/S 14 - 15	FESTIVAL LAYANG-LAYANG SEDUNIA PASIR GUDANG KALI KE-26 2024
M/S 16	PIALA SUMBANGSIH FINAL / LAWATAN DARI PENGUATKUASAAN MAJLIS PERBANDARAN KULAI
M/S 17	PROGRAM PEMBERSIHAN ZOO JOHOR BERSAMA THE GREATER JB / MISI BANTUAN BANJIR
M/S 18	PROGRAM GOTONG-ROYONG JOHOR BERSIH
M/S 19	MESYUARAT AGUNG PUSPANITA MBPG KALI KE-4 2024

Sidang Redaksi

PENAUNG

Yang Berhormat
Dato' Asman Shah bin Abd
Rahman
Datuk Bandar Pasir Gudang

PENASIHAT

Puan Nurul Ashikin binti Haji A.
Jabar
Setiausaha

EDITOR

Encik Mohd Syafiq Hanis bin
Hamli
Ketua Bahagian Korporat dan
Perhubungan Awam

PENGARANG

Puan Nadzasha binti Mohd
Puad

PENERBIT

Bahagian Korporat dan
Perhubungan Awam
Majlis Bandaraya Pasir Gudang

JURUFOTO

Encik Khairul Anuar bin Muha-
mad Sayut
Encik Muhammad Amirul
Hidayat bin Mohd Fazil

KONSEP & REKA GRAFIK

PRINT POD SDN BHD



HAK CIPTA TERPELIHARA

Sidang Redaksi Berita DYNAMIC PASIR GUDANG mengalu-alukan
sumbangan tulisan dan maklumbalas, sila kemukakan kepada

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

Menara Aqabah, Jalan Bandar, 81700 Pasir Gudang, Johor
Tel. : 07-2547777 | Faks : 07-2515260 | Laman Web : www.mbp.gov.my

Perutusan

YANG BERHORMAT DATO BANDAR PASIR GUDANG



Alhamdulillah, 'Maha Suci Allah, segala puji bagi Allah, tiada Tuhan selain Allah, Allah Maha Besar, tiada daya dan upaya melainkan Allah'. Selawat dan salam buat junjungan mulia Nabi Muhammad S.A.W serta ahli keluarganya, sahabat-sahabat baginda, para tabi'in dan seterusnya pewaris-pewaris perjuangannya.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan segala puji dan syukur kehadrat Allah SWT di atas limpah kurnianya yang telah menganugerahkan pelbagai nikmat yang tidak ternilai sehingga berjaya melaksanakan fungsi dan tugas Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) sepanjang tahun 2023. Saya turut merakamkan ucapan tahniah kepada Unit Penerbitan MBPG kerana berjaya menghasilkan dan menerbitkan Berita Dynamic Pasir Gudang bagi edisi 2023 yang lepas. Semoga melalui penerbitan Berita Dynamic Pasir Gudang dapat menjadi medium hebahan kepada masyarakat dan 151 Pihak Berkuaasa Tempatan di Malaysia mengenai program dan acara bulanan MBPG yang telah dianjurkan.

Saya kira masih tidak terlambat untuk saya mengucapkan Selamat Tahun Baru kepada warga MBPG. Semoga tiada sebarang bentuk kenihilan yang mempengaruhi pentadbiran, budaya kerja dan mutu perkhidmatan MBPG bagi tahun ini. Tahun ini menandakan tahun ke 3 saya menggalas amanah dan tanggungjawab sebagai Datuk Bandar Pasir Gudang. Adalah menjadi harapan saya agar tahun ini akan lebih baik daripada tahun sebelumnya.

2023 adalah tahun yang penuh dengan dugaan dan cabaran. Melihat kepada senario politik Malaysia yang kurang stabil di samping cabaran ekonomi dengan defisit nilai mata wang Malaysia yang mampu mempengaruhi pembentukan polisi dan dasar kerajaan tempatan. Saya percaya cabaran yang mendatang sedikit sebanyak mematangkan pola pemikiran kita serta menggesa kita untuk sentiasa memberikan khidmat yang terbaik buat rakyat di Pasir Gudang.

Membuka gerbang tahun baru, antara peristiwa penting dan pencapaian tertinggi MBPG sepanjang tahun 2023 adalah :

- Penganugerahan MLAA Honour Award, kategori Agensi Kerajaan – Green Initiatives Awards pada 27 Mei 2023 bagi projek Community Garden, Pasir Gudang sempena Majlis Malaysia Landscape Architecture Awards (MLAA 13) 2022.
- Anugerah Gold Sempena International Convention On Quality Control (ICQCC) 2023 di Yanqi Lake International Convention & Exhibition, Beijing, China pada 30 Oktober 2023 hingga 2 November 2023.
- Penganugerahan cemerlang bagi Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) Kendiri pada 1 Oktober 2023.
- Pensijilan Anti Rasuah (ABMS) bagi PBT Johor pertama yg memperolehi pensijilan Anti Rasuah bagi semua fungsi yang dilaksanakan di MBPG, tanpa pengecualian oleh mana-mana Jabatan/Bahagian/Unit di dalam pelaksanaan ABMS.

Tidak dilupakan beberapa program dan acara penting MBPG pada tahun 2023 seperti :

- Temasya Bandaraya Pasir Gudang bersempena pengisytiharan Majlis Bandaraya Pasir Gudang Ke-3 tahun 2023 pada 18 hingga 26 November 2023.
- Karnival Pencak Silat Beradat Antarabangsa Piala Datuk Bandar Pasir Gudang 2023 Kali Ke – 2 pada 19 hingga 22 Disember 2023.
- Perasmian Pembukaan CB Bestari pada 22 November 2023.

Program dan acara yang sering mengetengahkan elemen signifikan seperti penglibatan komuniti, antarabangsa dan pembaharuan kemudahan perlu kerap dianjurkan agar imej cemerlang Pihak Berkuausa Tempatan dapat dikenalkan. Pengajuran program yang melibatkan komuniti secara kerap akan mengurangkan jurang yang besar di antara PBT dan rakyat. Saya sering mengingatkan, kita berkhidmat untuk rakyat. Oleh itu, jalinan integrasi di antara komuniti dan MBPG amat penting bagi mengukuhkan keyakinan dan kepercayaan komuniti terhadap perkhidmatan dan pentadbiran kita.

Saya ingin mengingatkan kepada seluruh warga kerja MBPG bahawa perkara paling asas yang perlu dipraktikkan dalam pentadbiran pihak berkuausa tempatan adalah budaya kerja, berintegriti, akauntabiliti dan ekuiti. Nilai-nilai kompeten ini mampu meningkatkan pencapaian warga MBPG, sekaligus meyakinkan pemegang taruh dan rakyat terhadap perkhidmatan berkualiti, seperti yang dijanjikan. Pengukuhan kepercayaan rakyat terhadap pentadbiran MBPG amat diperlukan agar krisis keyakinan tidak berlaku. Oleh itu, kerjasama di antara satu sama lain secara kolektif sebagai sebuah keluarga besar MBPG amat penting agar nilai perkhidmatan awam berprestasi tinggi dapat dicapai. Berbekalkan iltizam, saya yakin kita mampu melakar kecemerlangan pada tahun ini.

Semoga warga kerja MBPG yang dikasihi terus beristiqamah untuk menyampaikan perkhidmatan yang terbaik, cemerlang dan berintegriti. Semoga segala usaha dan kerjasama yang diberikan mendapat limpahan pahala yang berlipat kali ganda daripada Allah SWT.

Sekian, Wa Billahi Taufik Wal Hidayah
Wassalamu'alaikum Wa Rahmatullahi
Wa Barakatuh.

Terima kasih.

Yang Berhormat

DATO' ASMAN SHAH BIN ABD RAHMAN
Datuk Bandar Pasir Gudang



MAJLIS PEDOMAN MBPG 2024



“...”

Majlis yang menjadi platform perkongsian amanat dan kata-kata dari Datuk Bandar Pasir Gudang, Yang Berhormat Dato’ Asman Shah bin Abd Rahman sebagai pembuka tirai tahun baru 2024 merupakan acara tahunan setiap kali menjelang tahun baharu. Diadakan bertarikh 1 Februari 2024 bertempat di Dewan Muafakat Taman Mawar Pasir Gudang, ia telah dihadiri oleh seramai hampir 600 warga kerja MBPG.



Majlis dimulai dengan perkongsian ceramah oleh pihak SKMM "Klik dengan bijak: Bahana Manipulasi Media" diikuti dengan pengenalan warga kerja yang baru dilantik termasuk Setiausaha Puan Nurul Ashikin binti Haji A. Jabar yang telah dilantik sebagai Puan Setiausaha MBPG mulai 1 Januari 2024 yang lalu dan diteruskan dengan bacaan Ikrar Bebas Rasuah (IBR) oleh seluruh warga kerja MBPG yang diketuai oleh Tuan Nazri Bin Tongal, Ketua Jabatan Penguatkuasaan MBPG.

Majlis diakhiri dengan Pelancaran Buku Pelan Anti-Rasuah Organisasi (OACP) MBPG 2024-2028 dan disaksikan oleh Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Johor, TPJ Dato' Haji Azmi Haji Alias dan Penyampaian 5 Pensijilan EKSA yang telah diterima oleh pihak MAMPU dan telah disampaikan oleh Yang Berhormat Datuk Bandar.



“bacaan ikrar diketuai Tuan Nazri bin Tongal”

Semoga melalui penganjuran program pada hari ini dapat menyemai nilai kebertanggungjawaban dan ketulusan di dalam diri setiap warga kerja MBPG dan menghasilkan budaya kerja yang berintegriti.



MBPG TERIMA ANUGERAH INTEGRITI DAN GOVERNANS ANTIRASUAH (AIGA) 2023

Majlis Bandaraya Pasir Gudang telah menerima Anugerah Gangsa dalam Anugerah Integriti dan Governans Antirasuah (AIGA) 2023 bertempat di Dewan Sri Siantan, Perbadanan Putrajaya pada 22 Februari 2024.

Anugerah Integriti dan Governans Antirasuah (AIGA) 2023 adalah merupakan satu anugerah bagi memberikan pengiktirafan dan penghargaan kepada sektor awam dan swasta yang menzahirkan komitmen dalam pembudayaan dan pengamalan integriti, tadbir urus terbaik serta inisiatif rasuah dalam organisasi masing-masing.

“ Tahniah dan syabas diucapkan atas pencapaian ini.



MAJLIS APRESIASI WARGA KERJA 2023 MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

Merupakan program tahunan yang memberi pengiktirafan kepada warga kerja yang menunjukkan prestasi yang cemerlang, Majlis Apresiasi Warga Kerja MBPG ini telah diadakan pada 5 Januari 2024 bertempat di Majestic Hall, Port Dickson, Negeri Sembilan. Bertemakan ‘English Classic’ ia telah dihadiri oleh seramai 650 warga kerja.

Seramai 36 orang telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan 81 orang telah menerima Sijil Penghargaan, manakala seramai 14 orang warga kerja telah diraikan dengan penganugerahan Anugerah Setia Perkhidmatan atas perkhidmatan selama 25 tahun dan 30 tahun berkhidmat. Seorang warga kerja, Encik Abdul Malek Bin Abd Aziz yang juga merupakan Pegawai Tadbir di Bahagian Pelancongan, Jabatan Kesejahteraan dan Pelancongan telah diraikan atas persaraan beliau yang mengakhiri tempoh perkhidmatan pada 31 Disember 2023 yang lalu.

Selain menerima penganugerahan khidmat cemerlang, majlis turut mengiktiraf dan memberi penghargaan kepada Pemenang Anugerah Khas Ahli Majlis Madani yang pertama kali diadakan penganugerahan ini. 3 orang Ahli Majlis telah menerima anugerah ini iaitu; Encik Nooraizam bin Rowaji (Zon Nusa Damai), Encik Low Sing Huat (Zon Kota Masai 1) dan Encik Krishnan a/l Muniandy (Zon Rinting 1). Majlis turut diserikan dengan persembahan artis jemputan, Farah Dhia dan jamuan makan malam.





MAJLIS SAMBUTAN TAHUN BARU CINA

PERINGKAT PASIR GUDANG 2024

Majlis Bandaraya Pasir Gudang telah menganjurkan Sambutan Tahun Baru Cina Peringkat Pasir Gudang 2024, bertempat di Eco Tropic Gallery Kota Masai, Pasir Gudang pada 24 Februari 2024.

Majlis disambut dengan persembahan Tarian Naga dan Singa serta persembahan tarian kebudayaan dari pelajar SJKC Ladang Grisek. Majlis telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Dato' Asman Shah bin Abd Rahman, Datuk Bandar Pasir Gudang. Hadir sama dalam majlis ini, Ketua Whip Pasir Gudang, Yang Berbahagia Dato' Hj. Mohd Amin Ahmad, Ahli-Ahli Majlis MBPG, Encik Phan Yan Chan, Divison General Manager Eco World Sdn.Bhd., Setiausaha MBPG, Puan Nurul Ashikin Hj. A. Jabar, Timbalan Setiausaha MBPG, serta ketua-ketua Jabatan, Bahagian dan Unit MBPG,

Majlis turut diserikan dengan jamuan 'yee sang' dan menulis kaligrafi sebagai simbolik perasmian. Program berakhir dengan sesi pemberian ang pao kepada kanak - kanak yang hadir.





LAWATAN YANG BERHORMAT PENGERUSI JAWATANKUASA HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR

Yang Berhormat Tuan Haji Mohd Fared bin Haji Mohd Khalid, Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam Negeri Johor telah sudi meluangkan masa mengadakan lawatan ringkas ke pejabat Yang berhormat Datuk Bandar pada 9 Januari 2024 yang lalu.

MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU)

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG (MBPG) DAN POLITEKNIK IBRAHIM SULTAN (PIS)

Satu Memorandum Persefahaman (MoU) telah ditandatangani diantara Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) dengan Politeknik Ibrahim Sultan (PIS) pada 18 Januari 2024 bertempat di Hotel Opero Johor Bahru.

Memorandum persefahaman ini melibatkan kolaborasi untuk membangunkan kerjasama dalam bidang pendidikan, penyelidikan dan latihan antara kedua belah pihak. Kerjasama ini dilihat selari dengan hasrat MBPG untuk menjadi Bandaraya Sejahtera, Pintar dan Rendah Karbon menjelang 2025. Persefahaman perjanjian ini telah ditandatangani oleh Encik Abdul Malek bin Mohamed, Timbalan Setiusaha bagi pihak MBPG manakala PIS pula diwakili oleh Yang Mulia Tengku Nadzion bin Tengku Ibrahim, dan telah disaksikan oleh Yang Berhormat Dato' Asman Shah bin Abd Rahman, Datuk Bandar Pasir Gudang, Yang Berbahagia Tuan Haji Ulaima bin Yahya, Pengarah PIS dan Yang Berbahagia Dato' Hj. Mohd Amin bin Ahmad, Ketua Whip MBPG.

Antara kandungan MoU ini adalah melibatkan 7 perancangan untuk menjadikan Pasir Gudang sebagai sebuah destinasi pelancongan yang melibatkan :

- i. Kong-Kong Santuari : Sarang Buaya
- ii. Masai Bandar Warisan
- iii. Perkampungan Seramik, Bukit Layang-Layang
- iv. Muzium Layang-Layang Pasir Gudang
- v. Projek pembinaan 25 Arca Waste to Art dengan kerjasama PIS
- vi. Kolaborasi Strategik MBPG bersama PIS
- vii. Tahun Melawat Pasir Gudang 2025 (TMPG 2025)

Majlis ini turut diserikan dengan Penyampaian Anugerah Zon Lestari 2023. Berikut merupakan pemenang bagi anugerah ini :

Johan	Zon Cendana : Ahli Majlis YBhg Dato' Mohd Amin bin Ahmad
Naib Johan	Zon Mawar : Ahli Majlid YBhg Dato' Mohd Amin bin Ahmad
Ketiga	Zon Scientex 1 : Ahli Majlis En Leong Yew Seng





Lawatan Kerja MAJLIS BANDARAYA IPOH (MBI) KE MBPG

Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) menerima delegasi lawatan kerja dari Majlis Bandaraya Ipoh. Delegasi telah diberikan perkongsian taklimat dari En Mohd Syafiq Hanis Bin Hamli, Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam mengenai pembangunan Radio Dynamic Pasir Gudang (RDPG). Taklimat turut dihadiri oleh Puan Nurul Ashikin Binti Haji A. Jabar, Setiausaha, Majlis Bandaraya Pasir Gudang dan Tuan Ahmad Munir Bin Ishak, Setiausaha, Majlis Bandaraya Ipoh pada 20 Februari 2024.

Delegasi lawatan turut di bawa melawat Konti RDPG dan Studio Televisyen MBPG, Pusat Lestari, Muzium Layang-Layang, Sarang Buaya dan makan tengah hari di Restoran D' Jeti Terapung, Kong-Kong. Pada sebelah malam pula, Yang Berbahagia Dato' Haji Rumaizi Bin Baharin @ Md Daud, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Ipoh telah berkesempatan menghadiri majlis makan malam bersama Yang Berhormat Dato' Asman Shah Bin Abdul Rahman, Datuk Bandar MBPG. Majlis turut diserikan dengan persembahan oleh Keroncong MBPG dan sesi pertukaran cenderahati antara kedua belah pihak selain perkongsian video sesi lawatan.

Semoga melalui lawatan kerja hari ini dapat mengekalkan jalinan integrasi dan menjadi medium pertukaran idea yang berterusan di antara Majlis Bandaraya Pasir Gudang dan Majlis Bandaraya Ipoh.



PROGRAM YOK TINJAU

DATUK BANDAR PASIR GUDANG KE 24 ZON AHLI MAJLIS

Majlis Bandaraya Pasir Gudang mengambil inisiatif bagi melaksanakan program Yok Tinjau bersama Datuk Bandar Pasir Gudang ke 24 Zon Ahli Majlis bagi mengenalpasti masalah berkait fizikal, infrastruktur dan kemudahan awam zon di bawah pentadbiran MBPG dan mengusulkan penyelesaian segera. Tindakan pelaksanaan dan penyelesaian dijangka akan dilaksanakan bermula hari ini, dan berakhir pada 7 April 2024.

Program pada hari ini telah dilaksanakan di bawah Zon Scientex 2, Cahaya Baru Tanjung Langsat, Desa Rakyat Perdana dan Nusa Damai. Turut hadir, Yang Berhormat Dato' Asman Shah Bin Abdul Rahman, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pasir Gudang, Yang Berbahagia, Tuan Nooraizam Bin Rowaji, Ahli Majlis Zon Nusa Damai dan Ahli Majlis Interim Zon Desa Rakyat Perdana, Puan Hajah Rap'enah Binti Ali, Ahli Majlis Zon Cahaya Baru Tg. Langsat, Puan Teh Siew Boey, Ahli Majlis Zon Scientex 2 serta Ketua-Ketua Jabatan, Bahagian dan Unit MBPG.



Segala permasalahan yang berkait pada hari ini telah dikenal pasti dan diambil maklum. Semoga melalui inisiatif ini dapat melancarkan pentadbiran MBPG sekaligus mengekalkan imej yang sentiasa cakna dan peka akan keperluan masyarakat, khususnya di Pasir Gudang.



100 PESERTA MERIAHKAN PROGRAM MASUK JAWI MBPG



2024



Program yang merupakan anjuran bersama KPJ Pasir Gudang ini telah disertai oleh seramai 100 kanak-kanak lelaki dari sekitar Pasir Gudang. Selain aktiviti berkhatan sebagai aktiviti utama, pelbagai lagi acara dan aktiviti menarik telah disusun bagi menghiburkan dan memberi keseronokkan kepada kanak-kanak yang bakal dikhatakan antaranya; persempahan silat selamat datang, tayangan movie animasi, sesi bergambar bersama *super hero costume*, booth ais krim percuma, soopa doopa dan photobooth turut disediakan.



Program dimulakan seawal jam 7.30 pagi dengan kehadiran peserta bersama ibu bapa dengan sesi perarakan ke Dewan Muafakat Jalan Gunung, Seri Alam, seterusnya para peserta dan ibu bapa diberi taklimat ringkas berkaitan kepentingan berkhatan oleh Dr. Mohd Nooh bin Sainorin, Pegawai Perubatan KPJ Pasir Gudang Specialist Hospital. Sesi berkhatan dimulakan dan seterusnya pengambilan ubat oleh peserta yang terlibat.

LAWATAN PENANDA ARASAN EKSA

DARI ICT@JOHOR DAN PLANMALAYSIA JOHOR

Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) telah menerima lawatan Penanda Arasan EKSA dari ICT@Johor dan PlanMalaysia Johor pada 21 Februari 2024, bertempat di Dewan Cempaka Aras 20, Menara Aqabah.

Delegasi dari ICT@Johor telah di ketuai oleh En Mohd Farid bin Hassan, Setiausaha Bahagian ICT@Johor, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor seramai 13 orang, manakala seramai 15 orang delegasi dari PlanMalaysia Johor yang diketuai oleh Cik Umizatul Khairra binti Zul Edman selaku Penolong Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Johor atau PlanMalaysia Johor telah hadir.



Ketibaan delegasi telah disambut oleh Yang Berbahagia, Puan Nurul Asyikin binti Haji A. Jabar, Setiausaha MBPG. Sesi lawatan dimulakan dengan taklimat EKSA berkaitan aktiviti, promosi, penyeragaman, pencapaian dan pensijilan EKSA MBPG. Delegasi kemudiannya dibawa melawat 6 buah zon EKSA MBPG di mana 4 zon di dalam Menara Aqabah dan 2 lagi zon bangunan MBPG di luar menara. Lawatan berakhir dengan sesi fotografi dan jamuan makan tengahari.

Semoga dengan sesi perkongsian ini, dapat memberikan segala, informasi dan idea mengenai pengurusan dan pelaksanaan EKSA kepada kedua-dua pihak delegasi yang hadir.

MAJLIS PELANCARAN PROGRAM SUNTIKAN VAKSIN TYPHOID BAGI PENGENDALI MAKANAN

Majlis Bandaraya Pasir Gudang telah menganjurkan pelancaran Program Suntikan Vaksin Typhoid Bagi Pengendali Makanan pada 26 Februari 2024 bertempat di Atrium, Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang.



Majlis telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Dato' Asman Shah bin Abd Rahman, Datuk Bandar Pasir Gudang. Hadir sama dalam majlis ini, Ketua Whip Pasir Gudang, Yang Berbahagia Dato' Hj. Mohd Amin Ahmad, Ahli-Ahli Majlis MBPG, Setiausaha MBPG, Puan Nurul Ashikin Hj. A. Jabar, Ketua-Ketua Jabatan, Bahagian dan Unit MBPG serta pengendali makanan sekitar Pasir Gudang.



Kursus Pengendalian Makanan telah diadakan terlebih dahulu bertempat di Atrium, Aras 3, Menara Aqabah, MBPG dan disertai oleh 30 orang peserta. Suntikan Typhoid merupakan sejenis suntikan vaksin yang digunakan untuk mencegah penyakit typhoid (demam kepialu). Suntikan ini bertujuan untuk merangsang sistem imunisasi badan untuk menghasilkan antibodi bagi melawan penyakit bakteria *salmonella typhi*.

Suntikan Typhoid ini perlu diambil oleh semua pengendali makanan yang beroperasi dalam kawasan Pasir Gudang dan boleh di ambil di Klinik Majlis Bandaraya Pasir Gudang beralamat di L1-19 Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang. Waktu operasi adalah hari Ahad hingga Khamis (9.00 pagi hingga 4.30 petang).

Tahniah dan Syabas diucapkan kepada pengurusan Klinik MBPG atas inisiatif kemudahan suntikan yang disediakan dan perkongsian kepentingan suntikan Thypoid ini kepada pengendali makanan khususnya kepada semua peniaga makanan di sekitar kawasan Pasir Gudang.

MAJLIS PERASMIAN

Pusat Lestari Pasir Gudang MBPG

Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) melalui Jabatan Kesihatan Awam, Persekutuan dan Pelesenan telah membangunkan Pusat Lestari Pasir Gudang. Pembangunan Pusat Lestari Pasir Gudang bertujuan bagi memberikan pendedahan melalui pendidikan dan pembelajaran kepada komuniti khususnya pelajar sekolah tentang aktiviti kelestarian alam sekitar yang dapat diperaktikkan. Perkara ini selari dengan objektif penubuhan iaitu untuk memupuk minat, semangat kerjasama dan integrasi sosial di kalangan masyarakat melalui aktiviti kelestarian alam sekitar. Antara aktiviti kelestarian yang dijalankan di Pusat Lestari Pasir Gudang adalah aktiviti kitar semula dan pengkomposan sisa makanan.



Majlis telah dirasmikan oleh Tuan Haji Abdul Malek Bin Mohamed, Timbalan Setiausaha MBPG selaku wakil rasmi Datuk Bandar. Turut hadir, Yang Berbahagia, En Azmi Bin Abdul Rahman, Timbalan PPD Sektor Perancangan, PPD Pasir Gudang, Yang Berbahagia, Dato' Haji Mohd Amin Bin Ahmad, Ketua Whip Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Pasir Gudang, Ahli-Ahli Majlis MBPG serta Ketua-Ketua Jabatan, Bahagian dan Unit MBPG.

Semoga melalui pembangunan Pusat Lestari ini dapat menerapkan kesedaran kepada semua pihak khususnya komuniti Pasir Gudang untuk turut memelihara dan melestarikan alam sekitar melalui penglibatan di dalam inisiatif dan program kelestarian yang dianjurkan MBPG.



Festival Layang-Layang

SEDUNIA PASIR GUDANG KALI KE-26

BERLANGSUNG MERIAH



Festival yang telah memasuki tahun ke -26 penganjurannya ini diadakan bermula pada 24 Februari hingga 3 Mac 2024 bertempat di Bukit Layang-Layang Pasir Gudang Johor dan dimulakan dengan sesi sidang akhbar pada 18 Februari 2024.

Majlis perasmian telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy, Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Warisan dan Budaya Negeri Johor pada 2 Mac yang lalu, di Bukit Layang-Layang Pasir Gudang, manakala majlis penutup pula telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Tuan Mohd Hairi bin Mad Shah, Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri Johor.





Bertemakan "Budaya Dinamik" bagi tema tahun ini, festival ini telah berlangsung bermula 24 Februari yang lalu dengan pelbagai aktiviti dan pertandingan. Antaranya pertandingan membuat / sobek dan menaikkan Wau Bulan, Wau Kucing, Wau Jalabudi, Wau Merak, Wau Daun, Pertandingan Rokkaku Korporat dan International, Pertandingan Layang-Layang Bercahaya, Penganjuran Bengkel Membuat Wau serta Persembahan Permainan Layang-Layang Gergasi oleh peserta antarabangsa. Penganjuran kali ini menyaksikan pembabitan seramai 130 peserta antarabangsa dari 39 buah negara dan lebih 400 orang

Peserta dari Wuhan China, Yao Qin Shan (sport kite) telah dinobatkan sebagai Peserta Paling Aktif, manakala bagi Kategori Keseluruhan Peringkat Kebangsaan, pasukan Kedah telah dinobatkan sebagai Johan Keseluruhan.



Tahniah diucapkan kepada semua pemenang dan peserta yang bertanding. Terima kasih juga kepada pihak penaja, barisan urusetia, para pengadil, para peserta serta semua yang terlibat dalam menjayakan Festival Layang-Layang Sedunia Pasir Gudang Kali Ke-26, 2024.





PERLAWANAN PIALA SUMBANGSIH LIGA BANDARAYA PASIR GUDANG 2024



Piala Sumbangsih ini menemukan Juara Liga Piala Datuk Bandar Pasir Gudang 2023 pasukan MBPG FC menentang Juara Piala FA 2023 Pasukan Sengat FC Rovers.

Keputusan penuh berakhir dengan tendangan penalti yang berpihak kepada Pasukan Sengat FC Rovers (4)–(2) kepada pasukan MBPG FC.

Tahniah diucapkan kepada pemenang dan juga kepada penyokong kedua-dua pasukan yang hadir memberi sokongan.

LAWATAN KERJA MAJLIS PERBANDARAN KULAI KE MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) menerima kunjungan lawatan kerja dari Majlis Perbandaran Kulai (MPKu) pada 8 Februari 2024 yang lalu. Delegasi telah disertai oleh 9 orang pegawai penguatkuasa, Jabatan Penguatkuasaan MPKu.

Agenda lawatan kerja melibatkan sesi perkongsian ilmu di antara kedua belah pihak mengenai kaedah pelupusan kenderaan buruk dan terbiar di kawasan pentadbiran MBPG yang telah disampaikan oleh Tuan Nazri Bin Tongal, Ketua Jabatan Penguatkuasaan MBPG.

Semoga sesi lawatan yang dijalankan ini dapat memberikan info dan pengetahuan kepada pihak delegasi dalam mempertingkatkan mutu perkhidmatan yang diperlukan melalui sesi lawatan yang diadakan.



TASK FORCE PEMBERSIHAN ZOO JOHOR MBPG



KOLABORASI DAN KERJASAMA THE GREATER JB telah melaksanakan Task Force Pembersihan Zoo Johor pada 28 hingga 30 Januari yang lalu.

Seramai 25 orang warga kerja dari Jabatan Kesihatan Awam mewakili MBPG telah menyertai aktiviti pembersihan ini yang merangkumi kerja mencantas dan menebang pokok renek, pembersihan lumut, rumput laut, daun-daun kering dan pemotongan rumput di kawasan persekitaran Zoo Johor.



Yang Amat Berhormat Dato' Onn Hafiz Bin Ghazi, Menteri Besar Johor turut hadir membuat lawatan bagi melihat gerak kerja pembersihan dan proses pembaharuan yang dilaksanakan sempena persediaan pembukaan bersama Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Jafni bin Md Shukor, Penggerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor.

Semoga melalui inisiatif ini dapat membawa imej baru kepada Zoo Johor sebagai salah satu daya tarikan pelancong luar ke Johor.

MISI BANTUAN PASCA BANJIR DAERAH KOTA TINGGI 2024

Majlis Bandaraya Pasir Gudang melalui pasukan Southern Volunteers MBPG bersama-sama agensi lain yang terlibat telah melaksanakan aktiviti pembersihan pasca banjir di daerah Kota Tinggi bermula 12 januari hingga 16 januari 2024.

32 anggota Southern Volunteer yang juga merupakan warga kerja MBPG dari pelbagai jabatan telah ditugaskan untuk melakukan aktiviti pembersihan di kawasan Kampung Tembioh. Antara kawasan terjejas banjir di daerah Kota Tinggi juga meliputi Pusat Bandar (Bandar Kota Tinggi), 9 Buah Taman, 4 Buah Surau, 5 Buah Sekolah dan 14 Buah Kampung.



Majlis penutup dan penyampaian sijil penghargaan kepada petugas dan sukarelawan misi pasca banjir daerah Kota Tinggi telah diadakan pada 16 Januari 2024 bertempat di Dewan Jubli Intan Sultan Ibrahim, Kota Tinggi. Majlis telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Tuan Mohd Hairi Bin Mad Shah selaku Penggerusi Jawatankuasa Belia Sukan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Sumber Manusia Negeri Johor.

Sijil penghargaan telah disampaikan kepada Southern Volunteers Negeri Johor, Southern Volunteers Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Agensi Kerajaan, Organisasi Bukan Kerajaan, Agensi swasta, Universiti Pendidikan serta Badan-badan pertubuhan. Rangkuman Misi Pasca Banjir Daerah Kota Tinggi telah merekodkan penyertaan seramai 3,877 sukarelawan dan jumlah kutipan sampah sebanyak 300,000 kilogram sepanjang tempoh misi dilaksanakan.



PROGRAM JOHOR BERSIH PERINGKAT PASIR GUDANG

Majlis Bandaraya Pasir Gudang melalui Jabatan Kesihatan Awam, Persekitaran dan Pelesenan telah menyahut seruan Yang Amat Berhormat Dato' Onn Hafiz Bin Ghazi Menteri Besar Johor dalam menggalakkan penganjuran kempen Johor Bersih di bawah Teras Kelima Agenda Maju Johor bagi memupuk tabiat penjagaan kebersihan sebagai amalan kehidupan seharian. 2 lokasi telah menjalankan aktiviti Program Johor Bersih sepanjang bulan Januari dan Februari yang melibatkan Kawasan Taman Scientex, Kawasan Limbongan Kampung Pasir Putih.

Aktiviti pembersihan dan gotong-royong merangkumi pembuangan sampah penghapusan tempat pembiakan nyamuk aedes dan pembersihan kawasan takungan air yang berisiko meningkatkan pembiakan nyamuk aedes.

Semoga melalui inisiatif ini dapat meningkatkan kesedaran kepada masyarakat berkenaan risiko wabak denggi serta kepentingan penjagaan amalan kesihatan dan kebersihan yang berterusan.



ENYAMPAHAN CENDERAHA'

MESYUARAT AGUNG PUSPANITA MBPG KALI KE-4 2024

Mesyuarat Agung PUSPANITA MBPG ini telah diadakan pada 8 Februari 2024 bertempat di Ballroom Cempaka Jingga Aras 3, Menara Aqabah. Majlis telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Dato' Asman Shah bin Abd. Rahman, Datuk Bandar Pasir Gudang merangkap Penasihat PUSPANITA MBPG.

Mesyuarat turut membentangkan laporan aktiviti setiap biro sepanjang tahun 2023 dan membincangkan aktiviti yang bakal diadakan dan dirancang bagi tahun 2024. Majlis turut diserikan kehadiran figura terkenal, Yang Berbahagia, Ungku Ismail Ungku Abdul Aziz bagi berkongsi kisah mengenai topik 'Wanita Dahulu Dan Wanita Kini'.





PAUTAN INFORMASI



IMBAS



Majlis Bandaraya Pasir Gudang



majlisbandarayapg_official



Saluran Aduan SISPAA



www.mbgp.gov.my



Saluran Aduan Integriti

LAMAN INFO

Majlis Bandaraya Pasir Gudang



Laman Web :
www.mbgp.gov.my



Talian Am :
07-254 7777



Email :
mbgp@johor.gov.my



DAULAT TUANKU

MERAFAK SEMBAH UCAPAN SETINGGI-TINGGI TAHNIAH KEPADA



KE BAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG,
SULTAN IBRAHIM IBNI ALMARHUM SULTAN ISKANDAR

&

KE BAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SERI PADUKA BAGINDA RAJA PERMAISURI AGONG,
RAJA Zarith Sofiah Binti Almarhum Sultan Idris Shah

31 JANUARI 2024 (19 REJAB 1445H)

Sembah Takzim Daripada:



Datuk Bandar
Ahli Majlis dan Seluruh Warga Kerja
Majlis Bandaraya Pasir Gudang